

# *BAB EMPAT*

## **BAB 4 MASALAH DI PETAMA DAN PENYELESAIANNYA**

Perbincangan penulis pada bab ketiga sebelum ini adalah berkisar mengenai PETAMA dari sudut penubuhan, pentadbiran organisasi serta modul-modul program dakwah yang terdapat di PETAMA. Paparan penulis seterusnya ialah berkaitan masalah-masalah yang dihadapi oleh PETAMA dalam menjalankan program dakwah mereka kepada remaja masyarakat Orang Asli.

Bagi mengkaji masalah yang dihadapi oleh PETAMA, penulis mendapatkan data-data bercetak seperti kertas-kertas kerja, laporan dan minit mesyuarat yang terdapat di pusat ini. Selain daripada itu, penulis mendapatkan maklumat berdasarkan temubual dengan kakitangan PETAMA seperti pengurus dan pensyarah-pensyarah serta para peserta. Di samping itu penulis melakukan pemerhatian dan penelitian untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak PETAMA.

Kajian yang mengenalpasti masalah PETAMA ini pada dasarnya dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu masalah dalaman dan masalah luaran. Pada bahagian akhir bab ini, penulis memaparkan langkah-langkah penyelesaian bagi setiap masalah yang dihadapi.

*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* mentafsirkan masalah sebagai perkara rumit, hal rumit, sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau isu yang perlu dipecahkan.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, c. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 1132

Masalah dalaman yang dimaksudkan oleh penulis ialah semua masalah yang timbul dan berkaitan dengan PETAMA secara langsung. Setiap masalah yang berlaku memberi kesan kepada kelancaran perjalanan program dakwah di pusat ini. Oleh yang demikian, kakitangan, pelajar dan pentadbiran PETAMA merupakan antara aspek yang diketengahkan oleh penulis sebagai punca kepada masalah dalaman PETAMA.

Manakala masalah luaran melibatkan faktor-faktor yang ditimbulkan oleh pihak tertentu dan mengganggu perjalanan program dakwah secara tidak langsung. Faktor luaran ini boleh menyumbang kepada kepincangan program dakwah di PETAMA untuk jangka masa panjang. Antara masalah luaran yang menjadi fokus kajian ialah masalah persekitaran, keluarga pelajar kurang memainkan peranan serta masalah dengan pertubuhan dakwah yang lain.

#### **4.1 Masalah Dalaman**

##### **4.1.1 Masalah Tenaga Pengajar**

###### **a) Tekanan kerja**

Berdasarkan temubual dengan pensyarah, didapati bahawa tekanan kerja yang dialami oleh tenaga kerja PETAMA berpunca daripada sikap pelajar yang sukar untuk dibentuk, tanggungjawab modul yang banyak, kerja lebih masa yang tidak menentu, kekurangan kakitangan, pertambahan bilangan pelajar yang memerlukan pemerhatian pensyarah serta pelbagai tanggungjawab lain. Semua

gerak kerja kursus, perjalanan aktiviti dan kebajikan pelajar PETAMA adalah terpikul di bahu pensyarah seramai enam orang sahaja.<sup>2</sup>

Kesemua tenaga pengajar yang memberi bimbingan kepada remaja Orang Asli di PETAMA terdiri daripada bangsa Melayu. Para pensyarah berpendapat apabila mereka mengajar pelajar yang berlainan bangsa, tekanan kerja yang dirasakan oleh mereka adalah lebih teruk jika dibandingkan dengan guru yang mengajar pelajar yang sama bangsa. Lebih-lebih lagi mereka perlu berhadapan dengan remaja masyarakat Orang Asli yang mempunyai latar belakang pendidikan, sosial, gaya hidup, sikap dan kerenah yang tersendiri.<sup>3</sup>

Terdapat juga pelajar yang begitu sukar untuk dididik dan diajar walaupun telah diberi tumpuan yang lebih oleh para pensyarah. Kesungguhan pensyarah untuk melihat pelajar faham dan tahu apa yang diajarkan kepada mereka telah menekan emosi para pensyarah. Mereka mengalami tekanan kerja yang lebih membebankan sekiranya pelajar masih tidak dapat memahami pelajaran biarpun telah diajar dengan bersungguh-sungguh secara berulang kali. Di samping itu, tahap pemikiran peserta kursus yang berbeza-beza dan agak lambat untuk memahami pembelajaran amat dirasakan oleh pensyarah. Setiap kali masuk ke kelas untuk mengajar, pensyarah perlu memikirkan cara yang terbaik bagi menarik hati pelajar supaya memberi tumpuan semasa sesi pembelajaran. Kerap kali topik pengajaran perlu diulang sehingga beberapa kali. Pensyarah perlu menggunakan pelbagai cara dan kaedah untuk memenangi hati para pelajar.

---

<sup>2</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit.* pada 15 September 2003, pukul 11 pagi.

<sup>3</sup> Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit.* pada 15 September 2003, pukul 10 pagi.



Tekanan daripada rasa tanggungjawab terhadap kerjaya dan keinginan untuk melihat pelajar berjaya telah menyebabkan perasaan mereka turut tertekan.<sup>4</sup>

Selain daripada tekanan kerja berkaitan pelajar, tanggungjawab untuk menguruskan modul program yang lain turut memberi tekanan kepada para pensyarah. Mereka menjalankan tugas mengajar seperti biasa bermula seawal jam lapan pagi hingga jam empat setengah petang. Waktu bertugas para pensyarah di PETAMA adalah berdasarkan waktu pejabat kakitangan awam. Ini adalah kerana PETAMA tidak beroperasi seperti sekolah rendah mahupun menengah sebagaimana yang terdapat di negara kita.<sup>5</sup>

Tugasan mengajar telah disusun dan diatur secara sama rata bagi setiap pensyarah. Mereka perlu mengajar selama dua puluh jam dalam tempoh enam hari dengan purata empat jam sehari. Ini tidak termasuk pensyarah perlu mengajar kelas pengajian al-Quran selama dua jam pada sesi petang. Di samping itu, pensyarah akan memantau aktiviti kultural yang diadakan pada waktu malam di asrama pelajar secara bergilir-gilir. Pada setiap petang Sabtu, para pensyarah perlu mengadakan aktiviti gotong-royong bersama para pelajar untuk memastikan kebersihan asrama, surau dan kelas sentiasa terjaga.<sup>6</sup>

Pensyarah terpaksa mengingatkan pelajar setiap kali gotong-royong hendak diadakan dan peringatan itu perlu diulangi saban minggu. Para pelajar pula bersikap seperti pemahat dan penukul. Terlalu sukar bagi mereka untuk

---

<sup>4</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit.* pada 15 September 2003, pukul 10.30 pagi.

<sup>5</sup> PETAMA (2003), Jadual Kelas Pembelajaran Pelajar PETAMA sesi 2003, t.h

<sup>6</sup> Ibid

menjalankan tugas yang sepatutnya dilakukan sekiranya tiada bimbingan serta arahan daripada para pengajar biarpun perkara itu dilakukan pada setiap minggu. Pensyarah mengharapkan agar para pelajar tahu dan maklum dengan kerja yang perlu dilaksanakan oleh mereka tanpa diarahkan oleh pensyarah. Namun begitu, perkara sedemikian tidak berlaku dan arahan perlu diberikan seperti biasa.<sup>7</sup>

Semua pensyarah juga terlibat dengan kelas tambahan yang diadakan pada waktu malam setiap hujung minggu. Kelas tambahan istimewa diadakan untuk membimbing para pelajar yang tidak tahu mengeja, membaca dan menulis. Kelas ini diwujudkan atas inisiatif para pensyarah bagi membantu pelajar terbabit agar mereka dapat belajar dengan lebih sempurna sama seperti rakan-rakan mereka yang boleh membaca. Kepenatan pensyarah berdepan dengan pelajar pada siang hari masih belum hilang kemudian pada malam harinya mereka perlu berdepan dengan pelajar istimewa yang tentunya mempunyai pelbagai kerenah ini. Oleh itu, tugas seumpama ini memang menguji kesabaran dan ia memerlukan kegigihan serta ketekunan yang tinggi daripada pensyarah.<sup>8</sup>

Beban kerja mereka akan bertambah sekiranya PETAMA mengadakan aktiviti luar untuk para peserta. Aktiviti seumpama ini menuntut banyak masa dan perhatian daripada para pensyarah bagi menjayakan program tersebut. Berdasarkan pemerhatian penulis, semua pensyarah memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan aktiviti luar ini. Bermula daripada merancang, mengatur dan menggerakkan program sehinggalah berakhir. Terdapat juga aktiviti luar yang memakan masa sehari-hari seperti kem suaikenal, motivasi serta khemah ibadat

---

<sup>7</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, op.cit. pada 15 September 2003, pukul 9.30 pagi.

<sup>8</sup> PETAMA (2000), Laporan Kelas Belajar Membaca dan Menulis Pelajar PETAMA 2000, h.8

dan pensyarah-pensyarah dipertanggungjawabkan memastikan segalanya berjalan dengan lancar.

Kajian mendapati bahawa untuk aktiviti luar ini, selain daripada pensyarah perlu berjaga malam bagi mengatur, menyusun dan menyediakan kelengkapan aktiviti, adakalanya mereka perlu memandu kereta ke sana sini untuk membeli keperluan yang sepatutnya. Semua kerja perlu dilakukan oleh pensyarah yang seramai enam orang ini termasuklah dalam menyiapkan kain rentang, membungkus hadiah dan menyediakan makanan. Dalam pada itu, tugas mengajar di dalam bilik kuliah berjalan seperti biasa.

Berdasarkan pemerhatian penulis, didapati bahawa komitmen pensyarah menguruskan setiap program luar menunjukkan kesungguhan dan kegigihan mereka dalam menunaikan amanah. Sungguhpun tanggungjawab seumpama ini amat menekan dan membebankan mereka tetapi demi amanah perasaan tersebut diketepikan. Bukan satu pandangan yang ganjil jika terdapat di kalangan pensyarah yang terpaksa membawa anak mereka ke tempat program sekiranya program berlangsung sehingga ke malam hari. Majoriti pensyarah di PETAMA adalah mereka yang telah berkeluarga.

Selain daripada tugas berdasarkan modul, para pensyarah bertanggungjawab terhadap kebajikan pelajar. Mereka perlu berhadapan dengan pelajar yang melanggar disiplin, terlibat dengan salah laku, ponteng kelas dan tidak mahu meneruskan pengajian. Pelajar seumpama ini perlu didekati secara psikologi dan diadakan sesi kaunseling dengan mereka bagi mencari punca

masalah. Bagi sesetengah kes, pensyarah perlu berhadapan dengan ibu bapa, orang luar serta penaja pelajar yang terlibat. Hal tersebut memerlukan komitmen, perhatian dan penglibatan daripada semua pensyarah.<sup>9</sup>

Bilangan pelajar di PETAMA yang semakin bertambah pada saban tahun menyebabkan pensyarah tidak dapat memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada para peserta.<sup>10</sup> Hal tersebut juga telah menyebabkan beban kerja pensyarah bertambah. Bilangan guru yang sedikit tetapi perlu berhadapan dengan pelajar yang ramai menyebabkan para pengajar terpaksa menggandakan kerja mereka. Sungguhpun begitu, pasti tidak semua pelajar akan mendapat bimbingan serta perhatian yang sempurna daripada pensyarah. Berikutan itu, ia akan merugikan peserta yang mempunyai tahap pemikiran yang rendah. Masalah seumpama ini tidak dapat dielakkan kerana bilangan tenaga pengajar yang sedikit dan ditambah dengan komitmen yang lain.

b) Masalah komunikasi

Berdasarkan temubual penulis dengan pensyarah, didapati bahawa tenaga pengajar mengalami masalah untuk mengajar secara sistematik disebabkan oleh masalah komunikasi. Kadang kala terdapat sesetengah pelajar yang tidak memahami apa yang diajarkan oleh pensyarah kerana kurang faham dengan penggunaan bahasa Melayu para pensyarah. Sungguhpun pensyarah telah cuba menyampaikan mesej pengajaran dengan cara yang paling mudah, ringkas, padat dan tepat namun para peserta masih lambat untuk memahaminya.

---

<sup>9</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abdul Manaf, *op.cit.* pada 15 September 2003, pukul 10 pagi

<sup>10</sup> Zaleha binti Mohamad (2002/03), *op.cit.* h.93

Para pensyarah telah menggunakan tatabahasa yang paling ringkas, sebutan yang terang, penerangan yang jelas serta intonasi suara yang bersesuaian untuk menarik perhatian pelajar. Namun begitu terdapat segelintir pelajar yang masih kurang faham, susah untuk mengikuti pelajaran malah sering terleka dan hanyut dalam dunianya yang tersendiri. Mereka seolah-olah tidak faham langsung apa yang diajarkan oleh pensyarah. Apabila ditanya sama ada mereka faham atau tidak akan apa yang disampaikan oleh pensyarah, mereka hanya mendiamkan diri. Oleh itu pensyarah membuat kesimpulan bahawa pelajar kurang faham dengan bahasa yang digunakan. Masalah komunikasi ini kerap berlaku di kalangan pelajar yang agak rendah tahap kecerdasannya.<sup>11</sup>

Selain daripada menulis di papan putih dan para pelajar menyalinnya, pensyarah juga memberi latihan dengan menyebut perkataan secara berulang kali dan diikuti oleh para pelajar. Terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang tidak tahu membaca dan memahami tulisan ayat al-Quran lalu pensyarah mengambil inisiatif dengan menterjemahkannya ke dalam tulisan rumi. Kemudian, pelajar akan menghafal ayat al-Quran tersebut berpandukan tulisan rumi itu. Para pensyarah tidak mempunyai pilihan selain daripada mengajar mereka dengan cara sedemikian.<sup>12</sup>

c) Skim penggajian yang statik

Gaji para pensyarah di PETAMA dibayar oleh pihak pengurusan AQFA. Sebagai kakitangan tetap yang telah lama mengajar, timbul ketidakpuasan hati di kalangan para pensyarah dengan jumlah pendapatan mereka. Bebanan mereka

---

<sup>11</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit.*

<sup>12</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit.*

mendidik dan mengajar peserta kursus dirasakan tidak setimpal dengan gaji yang diterima. Namun demikian, demi tugas, amanah dan tanggungjawab yang terpikul di bahu, tugas mengajar dan mendidik tetap diteruskan. Bagi para pensyarah, apa yang mereka inginkan ialah para remaja masyarakat Orang Asli di PETAMA diasuh dan dibimbing dengan didikan agama Islam yang baik dan berusaha semampu mungkin membantu para pelajar memahami setiap topik pengajaran di dalam bilik kuliah.<sup>13</sup>

Selain daripada tidak dapat menikmati kenaikan gaji biarpun telah lama berkhidmat di PETAMA, pensyarah juga tidak menerima sebarang elaun daripada pihak AQFA seperti elaun perumahan dan elaun perkhidmatan. Pensyarah hanya mendapat elaun kesihatan sekiranya menerima rawatan di klinik panel yang telah ditetapkan. Manakala elaun perjalanan akan dibayar kepada pensyarah yang membuat tuntutan sekiranya terlibat dalam perjalanan urusan rasmi PETAMA.<sup>14</sup>

Para pensyarah berpendapat pihak pengurusan PETAMA perlu peka dengan situasi pensyarah yang telah lama menabur bakti di PETAMA. Ada di kalangan mereka yang telah berkhidmat sejak PETAMA mula beroperasi pada tahun 1998 sehingga sekarang. Dalam tempoh tersebut pensyarah-pensyarah tidak pernah menikmati kenaikan gaji walaupun sekali. Oleh hal yang demikian, pemberian bonus atau intensif tertentu adalah amat wajar dipertimbangkan oleh pihak pengurusan.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.* pada 15 September 2003, pukul 11.30

<sup>14</sup> PETAMA (2002), Kos Pemasaran PETAMA ke Seremban, t.h

<sup>15</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.*

Melalui skim penggajian yang baik serta pemberian bonus atau elaun tertentu, secara tidak langsung ia dapat menggalakkan pensyarah untuk berkhidmat dengan lebih baik. Ini penting untuk menaikkan taraf dan mutu pendidikan di PETAMA. Dengan dorongan gaji serta pendapatan yang memuaskan ia mampu mencetuskan semangat kerja yang lebih tinggi dan pensyarah akan memperlihatkan komitmen yang baik dalam tugas mereka.<sup>16</sup>

Pembayaran gaji para pensyarah adalah berdasarkan sijil yang dimiliki oleh para pensyarah. Pemegang ijazah menerima gaji yang lebih tinggi berbanding pemegang diploma. Namun begitu, skim penggajian ini tidak mengambil kira pengalaman mengajar setiap pensyarah. Perkara seumpama ini merupakan satu ketidakadilan bagi pensyarah yang telah lama berkhidmat tetapi tidak memiliki sijil ijazah. Alasan yang diberikan ialah semua pensyarah boleh mengutip pengalaman mengajar melalui kursus dan proses pengajaran pada setiap hari di dalam kelas.<sup>17</sup>

d) Tiada sijil kelayakan mengajar

Menurut Omardin Ashaari, pengajaran merupakan aktiviti yang rumit dan melibatkan penggunaan pelbagai bentuk serta jenis kemahiran. Sementara itu, pengajaran juga melibatkan perhubungan antara guru dengan pelajar dan juga antara pelajar dengan pelajar yang lain. Pengajaran dalam bilik darjah merupakan satu perkara yang amat kompleks. Oleh itu, kemahiran mengajar amat penting diberikan kepada semua bakal guru pada peringkat awal lagi. Semua guru pelatih

---

<sup>16</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit*

<sup>17</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

dibekalkan dengan segala kemahiran pengajaran sebelum mereka ditugaskan untuk mengajar.<sup>18</sup>

Melalui kajian penulis, didapati bahawa pensyarah-pensyarah yang berkhidmat di PETAMA tidak mempunyai Diploma Pendidikan. Secara tidak langsung cara atau teknik pengajaran para pensyarah adalah berpandukan kaedah mereka yang tersendiri. Apa sahaja kaedah, teknik dan cara yang dirasakan oleh mereka betul dan berkesan, akan dipraktikkan dalam bilik kuliah. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa sijil Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) adalah menjadi keperluan bagi pensyarah-pensyarah di PETAMA.

Sekiranya pensyarah-pensyarah ini mempunyai Diploma Pendidikan, sudah tentu kemahiran mengajar mereka akan meningkat dan apa yang diperolehi menerusi kursus pendidikan tersebut boleh dipraktikkan dalam sesi pengajaran mereka di PETAMA khususnya dalam modul kuliah dan pengajaran al-Quran. Sungguhpun telah mendapat latihan daripada AQFA dan dihantar berkursus di maktab perguruan tertentu, tetapi kemahiran mengajar mereka tentu masih belum mencapai pada tahap pengajar yang mengikuti kursus perguruan.

Semua pensyarah yang layak untuk memohon KPLI, telah memohon untuk mengikuti kursus tersebut pada setiap tahun. Namun begitu sehingga kini permohonan tersebut masih belum diterima. Mereka berpendapat bahawa kursus itu adalah penting untuk diikuti bagi memantapkan lagi kemahiran mengajar mereka.

---

<sup>18</sup> Omardin Ashaari (1997), *Prinsip Pengajaran Mikro*, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 14



#### 4.1.2 Masalah Pelajar

Menurut Pengurus PETAMA, kemampuan segelintir pelajar dalam memahami pelajaran adalah lemah dan tidak memuaskan kebanyakan pensyarah. Perkara sedemikian merupakan masalah yang telah lama dihadapi oleh PETAMA berikutan latar belakang pendidikan peserta adalah berbeza-beza. Demikian juga sikap mereka terhadap aspek penjagaan kebersihan masih ditahap yang lemah. Selain daripada itu masalah disiplin turut ditimbulkan oleh mereka.<sup>19</sup>

Pelajar PETAMA memerlukan bimbingan dan perhatian yang berterusan daripada pensyarah. Ini memandangkan mereka lambat memahami serta menguasai pelajaran sekiranya tidak diberi perhatian oleh pensyarah. Tahap penguasaan mereka terhadap subjek-subjek dalam modul kuliah tidak akan meningkat jika pensyarah tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk memahamkan mereka. Oleh itu kelemahan mereka dalam aspek berkenaan telah menimbulkan masalah kepada para pensyarah.<sup>20</sup>

Faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat memahami pelajaran ialah kerana mereka tiada kemahiran membaca dan menulis. Oleh yang demikian, sukar bagi pensyarah untuk mengajar mereka kerana kemahiran tersebut merupakan asas bagi seorang pelajar untuk memahami subjek. Selain daripada itu, cara mereka belajar turut mempengaruhi pemahaman mereka terhadap pengajaran pensyarah.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

<sup>20</sup> Temubual dengan Ustaz Mohamad Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

<sup>21</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

Terdapat pelajar di PETAMA yang kurang bergaul dengan rakan dari suku kaum yang lain. Mereka hanya berkawan dengan rakan yang datang dari perkampungan yang sama sahaja. Perkara seumpama ini amat ketara dapat dilihat pada awal semester. Hal ini mungkin disebabkan mereka masih tidak mengenali rakan yang datang dari perkampungan lain. Tambahan pula perasaan segan dan malu masih menguasai diri masing-masing. Keadaan sedemikian akan menyukarkan pensyarah untuk merapatkan hubungan sesama mereka.<sup>22</sup>

Selain daripada itu, pelajar masih terikut-ikut budaya masyarakat mereka yang sukar menerima pembaharuan. Mereka kurang menonjolkan kelebihan yang ada pada mereka sebaliknya hanya bersikap menerima apa sahaja yang bakal berlaku. Mereka tidak ada perancangan masa hadapan dan kurang menitik beratkan aspek persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Terdapat di kalangan mereka yang tidak tahu matlamat mereka mengikuti kursus di pusat ini.<sup>23</sup>

Masalah yang sering ditimbulkan oleh pelajar ketika di asrama ialah pelajar kurang berdisiplin, tidak menepati masa, kurang menitik beratkan kebersihan dan kekemasan. Warden asrama perlu memberi arahan serta memantau asrama lelaki dan perempuan pada setiap minggu bagi memastikan tahap kebersihannya adalah memuaskan.<sup>24</sup>

Sikap pelajar yang tidak mementingkan aspek kebersihan turut memberi kesan pada penampilan diri mereka. Pensyarah perlu sentiasa mengingatkan

<sup>22</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abdul Manaf, *op.cit*

<sup>23</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

<sup>24</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Kharib Aziz, *op.cit*

pelajar mengenai penjagaan kebersihan dan kekemasan diri serta tempat tinggal. Setiap kali selepas perhimpunan para pensyarah akan memeriksa kebersihan diri pelajar dari sudut kekemasan pakaian, rambut, kuku dan sebagainya.<sup>25</sup>

Berdasarkan temubual penulis dengan pensyarah-pensyarah di PETAMA, didapati bahawa majoriti di kalangan mereka berpendapat pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan yang rendah merupakan masalah utama di kalangan pelajar. Selain daripada itu, masalah lain yang turut dihadapi oleh PETAMA ialah masalah disiplin serta sikap pelajar. Perkara tersebut akan menimbulkan masalah terhadap program dakwah di PETAMA. Oleh yang demikian, penulis merumuskan masalah yang berkaitan pelajar ialah seperti berikut:

a) Tahap pemikiran dan kecerdasan yang lemah

Berdasarkan penelitian penulis terhadap rekod-rekod pelajar didapati bahawa peserta yang mengikuti program di PETAMA datang dari pelbagai tempat, kampung dan ceruk di seluruh negeri Pahang. Terdapat segelintir daripada mereka yang tidak pernah bersekolah atau hanya mendapat pendidikan setakat darjah enam sahaja. Sebahagiannya pula ada yang menduduki Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan tidak kurang juga yang mengambil SPM. Oleh yang demikian, latar belakang pendidikan formal mereka adalah berbeza-beza.

Di PETAMA, pelajar-pelajar ditempatkan di dalam satu kelas sahaja tanpa mengira kemampuan mereka sama ada boleh membaca dan menulis atau tidak.

---

<sup>25</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

Tahap penerimaan dan kefahaman pelajar yang boleh membaca dan tidak boleh membaca adalah berbeza. Oleh yang demikian, terdapat di kalangan mereka yang begitu cepat memahami pelajaran yang disampaikan oleh pensyarah. Namun begitu tidak kurang juga yang terlalu lambat memberi respon terhadap pengajaran pensyarah. Bagi mereka yang agak lambat memahami dan memberi respon pada pengajaran, pasti akan mengganggu kelancaran kelas. Pensyarah perlu memberi penumpuan yang lebih kepada pelajar tersebut. Oleh itu, pelajar yang telah faham akan merasa cepat bosan dengan keadaan yang sedemikian kerana terpaksa menunggu pelajar lain.<sup>26</sup>

Terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam aspek memahami pelajaran. Pelajar perempuan didapati lebih menunjukkan minat untuk belajar, cepat memahami apa yang disampaikan oleh pensyarah, suka bertanya dan rajin belajar. Segelintir pelajar perempuan yang tidak tahu membaca menunjukkan sikap positif dan berusaha untuk memperbaiki diri dengan bantuan daripada tenaga pengajar. Sungguhpun demikian, pencapaian mereka dalam pelajaran masih di peringkat lemah dan memerlukan perhatian daripada para pensyarah.<sup>27</sup>

Berkaitan pelajar lelaki, kebanyakan mereka agak nakal dan lambat untuk memahami topik pengajaran berbanding pelajar perempuan. Sungguhpun demikian, masalah tersebut tidak menjadi penghalang kerana mereka menyedari kelemahan diri sendiri. Oleh itu mereka berusaha dengan mengulangkaji pelajaran

---

<sup>26</sup> Temubual dengan Ustaz Muhamad Nizam bin Abd Ghani, *op.cit.*

<sup>27</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit.*

di asrama, banyak membaca buku, bertanya pensyarah dan menghafal pelajaran mereka.<sup>28</sup>

Namun begitu, masalah yang timbul ialah terdapat segelintir pelajar lelaki yang tidak tahu membaca didapati begitu malas untuk belajar dan berusaha. Mereka menunjukkan sikap malas yang keterlaluan dan tidak ada inisiatif untuk membaiki diri walau diberi perhatian yang lebih oleh pensyarah. Selain daripada itu, mereka jarang menghadiri kelas tambahan istimewa yang diadakan untuk mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh sifat rendah diri, kurang percaya kepada kemampuan diri sendiri dan tidak yakin pada kebolehan yang ada pada mereka.<sup>29</sup>

Pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan yang lemah ini begitu sukar untuk menerima bimbingan serta memahami pelajaran. Semasa di dalam kelas mereka kurang memberi perhatian, tidak menjawab pertanyaan guru, tidak mahu mengambil bahagian dalam perbincangan malah lebih suka mendiamkan diri. Selain itu mereka kurang bergaul dengan pelajar lain dan suka memencilkan diri. Justeru itu, pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan yang rendah akan melambatkan proses pengajaran. Selain daripada perlu diberi perhatian yang lebih daripada pensyarah ia turut mengganggu proses pembelajaran pelajar lain.<sup>30</sup>

#### b) Kurang disiplin

Para pelajar masih terikut-ikut cara kehidupan di perkampungan. Mereka kurang menitik beratkan aspek disiplin, kebersihan dan kekemasan. Asrama yang didiami mereka sering tidak dikemas malah kelihatan tidak teratur dan bersepah-

<sup>28</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

<sup>29</sup> Temubual dengan Ustaz Muhamad Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*.

<sup>30</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

sepah. Menjadi kelaziman sebahagian mereka tinggal di rumah yang berkeadaan begitu sewaktu di perkampungan. Apa yang mendukacitakan ialah sikap kurang mementingkan kebersihan ini terbawa-bawa sehingga ke asrama walau telah banyak kali ditegur dan dinasihati oleh warden asrama. Selain daripada itu, para pelajar tidak mengguna dan menjaga peralatan yang terdapat di asrama dengan baik. Hal yang sedemikian lebih kerap berlaku di asrama lelaki berbanding asrama perempuan.<sup>31</sup>

Sebagai contoh, sekiranya terdapat kotoran di lantai asrama, mereka tiada inisiatif untuk membersihkan kotoran tersebut sebaliknya ditutup dengan kertas atau dibiarkan sahaja sehinggalah diarahkan oleh warden untuk membersihkannya. Tandas di asrama juga sering tersumbat kerana pelajar tidak menjaga kebersihannya. Sikap seumpama itu yang telah lama tertanam dalam diri mereka menyebabkan pensyarah menghadapi masalah untuk membaiki dan membentuk mereka. Namun begitu, tidak semua pelajar di PETAMA mempunyai sikap yang sedemikian. Malahan pelajar tersebut telah membuat perubahan ke arah yang lebih positif sedikit demi sedikit. Melalui bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan diharapkan sikap negatif itu akan terus hilang.<sup>32</sup>

Terdapat pelajar yang tidak menunjukkan kesungguhan dan kurang berminat untuk meneruskan pelajaran. Oleh yang demikian, mereka kerap menimbulkan masalah kepada pensyarah mahupun rakan-rakan. Mereka tidak

---

<sup>31</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*

<sup>32</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah, sering mengganggu pelajar lain serta melanggar disiplin.<sup>33</sup>

Pelajar juga tidak menunjukkan disiplin yang baik dengan tidak mematuhi peraturan asrama. Apabila tiba hari minggu atau semasa cuti semester, para peserta akan pulang ke perkampungan mereka untuk menghabiskan percutian. Masalah yang timbul ialah apabila tempoh cuti telah tamat mereka masih tidak kembali ke asrama bagi meneruskan pembelajaran. Sebaliknya mereka lebih suka menghabiskan masa di perkampungan. Malah terdapat juga peserta yang tidak kembali semula ke pusat ini setelah balik bercuti di kampung.<sup>34</sup>

c) Masalah sikap

Dari segi sosialnya, masih terdapat sebilangan pelajar yang hanya berkawan dan bergaul dengan suku kaum mereka sahaja. Oleh hal yang demikian, wujud jurang pemisah antara mereka.<sup>35</sup> Perkara yang sedemikian tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana setiap pelajar perlu mengambil peluang untuk berkenalan lebih rapat dengan rakan dari suku yang berlainan. Melaluinya, mereka dapat menambah pengalaman bergaul dan lebih memahami keadaan sosial.

Budaya hidup masyarakat Orang Asli yang tidak mahu menerima perubahan telah wujud sejak dahulu lagi. Sikap mereka yang tidak mahu keluar dari kepompong kemunduran menuju kemajuan sukar untuk dikikis. Remaja masyarakat Orang Asli di PETAMA turut mempunyai sikap yang sedemikian.

<sup>33</sup> Temubual dengan Ustaz Muhamad Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

<sup>34</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit*

<sup>35</sup> Zaleha Mohamad (2002/03), *op.cit*. h.94

Sikap mereka yang sukar dibentuk, tidak mahu mempraktikkan apa yang dipelajari, kurang motivasi diri, enggan berusaha untuk memajukan diri dan bersikap cukup dengan apa yang ada telah menjadi satu masalah kepada tenaga pengajar bagi membantu mereka mencapai kejayaan. Mereka hanya memikirkan perkara pada hari ini sahaja tanpa mahu mengambil tahu apa yang akan berlaku pada hari esok. Pemikiran seumpama ini mencerminkan sikap mereka yang tidak ada perancangan pada masa hadapan.<sup>36</sup>

Peralihan tempat tinggal turut memberi kesan kepada pelajar. Terdahulu sebelum ini mereka telah lama tinggal dan membesar di kawasan perkampungan. Setelah mengikuti kursus di PETAMA yang terletak di tengah kawasan bandar, ia menjadikan pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baru. Terdapat daripada pelajar yang mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pelajaran sebaliknya pulang semula ke perkampungan kerana tidak mahu tinggal di bandar. Selain daripada itu terdapat juga yang terlalu asyik dengan suasana bandar yang banyak keseronokan, kemudahan dan hiburan. Malah mereka kurang memberi tumpuan pada pelajaran. Masalah seumpama ini amat diberikan perhatian oleh semua tenaga pengajar.<sup>37</sup>

#### 4.1.3 Masalah Peruntukan Yang Lewat Diterima

Sebagaimana yang telah dijelaskan; pelajar PETAMA merupakan mereka yang telah ditaja oleh sesebuah jabatan tertentu. Pihak penaja akan memasukkan wang peserta tajaannya sebanyak RM840 seorang ke dalam akaun AQFA sebagai pembayaran yuran bulanan. Jumlah yang dikenakan ini meliputi bayaran

<sup>36</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

<sup>37</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*



penginapan, perkhidmatan katering, yuran pengajian, wang saku, peralatan pelajar, aktiviti pelajar dan lain-lain lagi. Daripada jumlah itu, setiap pelajar akan mendapat RM100 sebagai wang saku. Wang tersebut akan dimasukkan terus ke akaun pelajar oleh AQFA di bawah pengurusan pensyarah yang dilantik untuk mengawalinya. Manakala wang selebihnya akan digunakan oleh pihak pengurusan AQFA bagi menjelaskan segala bayaran bil dan perkhidmatan yang terdapat di PETAMA.<sup>38</sup>

Lazimnya, pihak PETAMA akan melaporkan kepada AQFA mengenai semua pembayaran bil dan perkhidmatan yang perlu dijelaskan. Masalah yang timbul ialah kelewatan pihak AQFA mengeluarkan peruntukan untuk pembayaran semua kemudahan yang terdapat di PETAMA. Kelewatan AQFA berbuat demikian akan mengganggu kelancaran perjalanan aktiviti harian di PETAMA. Pernah terjadi bekalan air di PETAMA telah dipotong selama dua minggu kerana kegagalan pihak AQFA menjelaskan bil yang telah lama tertunggak. Perkara seumpama ini amat menyulitkan para peserta dan memberi kesan kepada penumpuan mereka terhadap modul-modul program.<sup>39</sup>

Kelewatan pihak AQFA menjelaskan peruntukan yang diminta oleh PETAMA turut memberi kesan kepada aktiviti pelajar. Setiap kali PETAMA merancang untuk mengadakan aktiviti kokurikulum seperti rehlah, motivasi dan khemah ibadat, pengurus akan menyediakan kertas kerja beserta anggaran perbelanjaan yang diperlukan kepada AQFA. Malangnya pengurusan AQFA lambat memproses serta meluluskan peruntukan yang diminta. Oleh yang

---

<sup>38</sup> PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

<sup>39</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

demikian, aktiviti yang dirancang itu terpaksa ditunda malah kadang kala tidak dapat dilaksanakan.<sup>40</sup>

Sementara itu, kebanyakan peserta yang ditemubual oleh penulis kurang berpuas hati dengan pemberian wang saku yang didapati tidak mencukupi dan sering lewat diterima. Mereka berpendapat jumlah RM100 sebulan adalah tidak mencukupi kerana perbelanjaan hidup di bandar adalah tinggi dan membebankan.<sup>41</sup>

Masalah peruntukan yang lewat diterima ini timbul berikutan masalah kewangan yang dialami oleh AQFA. Sumber kewangan syarikat AQFA adalah bergantung sepenuhnya kepada keuntungan perniagaan yang diperolehi melalui program-program pendidikan yang dianjurkan oleh mereka. Selain daripada program dakwah PETAMA, AQFA turut menganjurkan program pendidikan IIIS dan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Sekiranya perniagaan yang dijalankan melalui program-program itu mengalami kerugian atau menghadapi masalah kewangan, AQFA terpaksa menggunakan wang peruntukan program-program tersebut terlebih dahulu. Hal yang sedemikian turut berlaku kepada program PETAMA yang mana wang yang diperolehi daripada pihak penaja terpaksa digunakan terlebih dahulu bagi menampung bayaran-bayaran yang perlu diselesaikan. Oleh kerana itu, pihak AQFA sering menangguh bayaran kepada PETAMA lebih-lebih lagi bayaran yang melibatkan aktiviti luar. Namun begitu,

---

<sup>40</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

<sup>41</sup> Temubual dengan Saudara Mat Siful Nizam bin Mat Jais, pelajar PETAMA, pada 15 September 2003, pukul 3 petang. Penulis turut melakukan temubual dengan Saudara M.Khairul Azwan bin Sulong dan Saudari Erma binti Aziz.

pihak AQFA seboleh-bolehnya tidak akan menanggung pemberian wang saku kepada para peserta.<sup>42</sup>

Masalah lain yang turut dihadapi oleh AQFA berkaitan kelewatan pemberian peruntukan kepada PETAMA ialah masalah yang berpunca daripada pihak penaja. Sebagai contoh JHEOA Kuantan hanya membuat bayaran untuk pelajar tajaan pada setiap hujung tahun sahaja. Oleh hal yang demikian, pihak AQFA perlu menggunakan wang syarikat terlebih dahulu bagi menampung pembayaran yuran setiap pelajar tajaan jabatan tersebut.<sup>43</sup>

Penggunaan wang yang sedemikian rupa sudah pasti memberi kesan yang besar kepada perjalanan kewangan pihak AQFA. Secara tidak langsung ia mencetuskan masalah kepada PETAMA. Pengurusan AQFA perlu akur kepada bentuk pembayaran seumpama itu kerana ia merupakan perjanjian awal yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.<sup>44</sup>

Selain daripada itu, terdapat juga masalah yang berpunca daripada pihak PETAMA. Peruntukan untuk aktiviti luar program PETAMA umpamanya tidak dapat diluluskan kerana kelewatan pihak PETAMA menyerahkan kertas kerja aktiviti yang hendak dilaksanakan. Sebagai contoh, kertas kerja PETAMA untuk lawatan ke Pulau Langkawi pada 23 dan 24 Oktober 2003 terpaksa ditolak kerana ia dihantar secara tergesa-gesa. Selain daripada itu, aktiviti tersebut memerlukan jumlah peruntukan yang besar iaitu hampir RM3000. Memandangkan pihak

---

<sup>42</sup> Temubual dengan Ustaz Jamaluddin bin Abd Jabbar, *op.cit*, pada 23 Oktober 2003, pukul 2.30 petang.

<sup>43</sup> *Ibid*

<sup>44</sup> *Ibid*

AQFA sedang menghadapi masalah keuntungan yang defisit, maka adalah wajar pihak PETAMA tidak merancang aktiviti yang memerlukan perbelanjaan yang terlalu banyak.<sup>45</sup>

Setiap kertas kerja yang diserahkan perlu disemak, diteliti dan dikaji kewajaran perbelanjaannya sebelum diluluskan. Kerja-kerja tersebut akan memakan masa kerana bukan program PETAMA sahaja yang perlu diberi keutamaan malah program lain turut memerlukan perhatian AQFA.<sup>46</sup>

Di samping itu, kelewatan menghantar kertas kerja akan menyebabkan aktiviti PETAMA tidak dapat dilaksanakan berikutan tiada kemudahan pengangkutan. AQFA menyediakan kemudahan pengangkutan kepada PETAMA sekiranya mereka mengadakan aktiviti di luar kawasan pusat dakwah berkenaan. Namun begitu perkhidmatannya adalah terhad kerana program IIIS dan MLVK turut mendapat kemudahan seumpama ini. Sekiranya PETAMA menyerahkan kertas kerja dalam tempoh yang terlalu singkat, besar kemungkinan pihak AQFA tidak boleh menyediakan kemudahan pengangkutan sebagaimana yang diminta sekiranya ia telah dijadualkan untuk program lain. Oleh sebab itu, aktiviti PETAMA yang dirancang itu terpaksa ditunda kepada tarikh yang lain.<sup>47</sup>

Pihak PETAMA tidak mempunyai kuasa untuk menguruskan kewangan dan aktiviti mereka sendiri. Ini adalah kerana AQFA merupakan syarikat yang telah dilantik oleh YP bagi mentadbir PETAMA. Oleh yang demikian, semua

---

<sup>45</sup> PETAMA (2003), Kertas Kerja Lawatan PETAMA ke Langkawi 2003, h. 4

<sup>46</sup> Temubual dengan Ustaz Jamaluddin bin Abdul Jabbar, *op.cit*

<sup>47</sup> *Ibid*

perbelanjaan, urusan keluar masuk wang PETAMA serta perjalanan program kursus adalah di bawah tanggungjawab AQFA.<sup>48</sup>

Sungguhpun masalah sedemikian perlu dihadapi oleh PETAMA, ia tidak melunturkan semangat para pensyarah untuk terus berusaha dan memberi pelajaran yang terbaik kepada para peserta. Namun begitu, kebajikan para pelajar perlu diberi perhatian kerana mereka mengikuti kursus di PETAMA dengan ditaja oleh jabatan-jabatan tertentu. Setiap penaja pula menepati janji dengan membayar wang pelajar tajaan mereka secara konsisten pada setiap bulan. Dengan itu, peserta berhak menggunakan wang tajaan tersebut untuk aktiviti pembelajaran mereka.<sup>49</sup>

#### 4.1.4 Masalah Modul Program

Modul-modul yang disediakan oleh pengurusan PETAMA kepada peserta didapati bahawa sukutannya adalah tinggi dan sukar untuk difahami oleh para pelajar. Tambahan pula, terdapat peserta yang hanya mendapat pendidikan formal setakat darjah enam sahaja sebelum mereka masuk ke PETAMA. Hal yang sedemikian akan menyebabkan sukar bagi mereka untuk menguasai modul-modul. Sekiranya dibiarkan berlanjutan, matlamat PETAMA untuk menerapkan pendidikan Islam dan meningkatkan kefahaman Islam di kalangan peserta akan sukar dicapai.<sup>50</sup>

Sepanjang mengikuti modul program dakwah di PETAMA, pelajar perlu mengikuti pelajaran secara formal di bilik kuliah kemudian diikuti oleh

<sup>48</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit*

<sup>49</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*.

<sup>50</sup> Zaleha binti Mohamad (2002/03), *op.cit*. h.92

peperiksaan pada akhir semester. Sukatan pembelajaran ini perlu dikuasai oleh peserta supaya mereka lulus dalam peperiksaan. Bagi peserta peringkat persediaan, kejayaan dalam peperiksaan akan melayakkan mereka mengikuti peringkat lanjutan. Manakala bagi peserta lanjutan, keputusan peperiksaan yang baik akan memberi peluang kepada mereka dilantik sebagai pembantu penggerak. Oleh itu, penguasaan dan kefahaman yang mantap adalah perlu bagi melayakkan mereka melepasi setiap peringkat.<sup>51</sup>

Selain daripada modul kuliah para pelajar perlu mengikuti modul lain seperti kuliah pengajian al-Quran, kultum serta aktiviti kokurikulum. Melalui modul-modul tersebut pelajar dikehendaki menamatkan bacaan al-Quran, menghafal 30 surah dari juzuk 'Ammah, menguasai tajwid, menghadiri majlis tazkirah, berlatih memberi ucapan umum, menghafal doa-doa, berlatih menjadi ketua serta menghadiri kursus-kursus tertentu hanya dalam tempoh setahun enam bulan.<sup>52</sup>

Tanggungjawab dalam pelajaran ini menuntut perhatian dan kesungguhan para peserta. Sebagai individu yang baru berjinak-jinak dengan dunia pelajaran, para peserta perlu memahirkan diri dalam pengurusan masa. Mereka perlu bijak mengatur jadual untuk belajar, mengulangkaji pelajaran, bersosial, berehat dan sebagainya. Selain daripada itu, peserta kursus memerlukan masa yang panjang bagi menyesuaikan diri dengan keadaan tempat yang serba baru bagi mereka. Hal yang sedemikian akan membebankan mereka dari aspek mental dan fizikal. Tidak

---

<sup>51</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

<sup>52</sup> PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

hairanlah sekiranya pelajar mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pelajaran mereka.<sup>53</sup>

Masalah modul ini turut berkait dengan tempoh kursus program. Tempoh kursus yang singkat telah menyukarkan dan membebankan pelajar untuk menghabiskan modul pembelajaran yang banyak terutama bagi peserta lanjutan. Berikutan itu, terdapat silibus pelajaran yang terpaksa dihabiskan dengan cepat dan tergesa-gesa. Perkara yang sedemikian akan mempengaruhi penerimaan dan pemahaman pelajar.<sup>54</sup>

Sekiranya peserta kursus masih belum dapat menguasai silibus pelajaran sedangkan tempoh kursus telah tamat maka ini akan merugikan banyak pihak. Hasrat untuk melahirkan pendakwah yang benar-benar faham dan mantap mengenai agama Islam akan menjadi sia-sia. Justeru itu tempoh kursus pelajar PETAMA perlu diberi perhatian semula oleh pihak pentadbiran PETAMA dan ia wajar dibawa berbincang dengan pihak penaja.

#### 4.1.5 Masalah Kekurangan Kelengkapan Pembelajaran

Keberkesanan modul-modul yang dilaksanakan di PETAMA berkait rapat dengan penyediaan kemudahan pembelajaran yang lengkap. Kemudahan pembelajaran ini termasuklah kelengkapan di asrama serta bilik kuliah. Namun begitu, didapati bahawa kelengkapan dan peralatan yang ada di asrama adalah kurang memuaskan. Terdapat katil-katil pelajar yang telah patah, almari yang rosak dan pecah, tilam dalam keadaan yang kurang memuaskan serta suasana bilik

---

<sup>53</sup> Temubual dengan Ustaz Mohamad Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

<sup>54</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

dan tandas yang kurang bersih. Di samping itu, tidak ada kemudahan kipas angin siling dan pelajar tinggal dalam keadaan yang sesak serta sempit. Modul kulturem dan aktiviti mengulangkaji pelajaran diadakan di asrama pelajar sahaja. Ini adalah kerana pihak pengurusan tidak menyediakan tempat khusus bagi pelajar mengulangkaji pelajaran. Oleh itu, keadaan asrama yang kurang selesa akan menimbulkan masalah kepada mereka dalam memberi tumpuan kepada pelajaran.<sup>55</sup>

Di samping itu, terdapat beberapa kelengkapan lain turut diperlukan dan ditambah bilangannya. Sebagai contoh bilangan kipas, lampu, tilam dan cadar di asrama masih belum mencukupi. Selain itu, paip air untuk kemudahan berwuduk serta penapis air perlu disediakan. Kelengkapan seumpama itu adalah menjadi keperluan para peserta supaya mereka dapat tinggal dan belajar di asrama dengan lebih teratur.<sup>56</sup>

Para pensyarah berpendapat pihak pengurusan harus bertanggungjawab terhadap kebajikan dan keselesaan para pelajar. Sepatutnya mereka menyediakan kelengkapan yang baik, bermutu dan mencukupi demi keselesaan pelajar. Para peserta memerlukan tempat tinggal yang sesuai dan selesa supaya dapat membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam setiap modul yang dipraktikkan di sini.<sup>57</sup>

---

<sup>55</sup> Surat Pengurus PETAMA kepada Pengurus Pentadbiran AQFA, 14 Mac 2003, no. fail AQFA/PETAMA : 04 / 2002

<sup>56</sup> PETAMA (2002), Laporan Kelengkapan Peralatan PETAMA, t.h

<sup>57</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit.*



Melalui pemerhatian penulis, keluasan asrama PETAMA tidak mampu menampung bilangan pelajar yang ramai. Mereka terpaksa tinggal dalam keadaan yang sempit dan kurang selesa. Tambahan pula sikap mereka yang kurang mengambil berat mengenai kekemasan telah menjadikan keadaan nampak lebih berserabut dan bersepah-sepah. Hal sedemikian adalah lebih ketara di asrama pelajar lelaki kerana bilangan mereka yang lebih ramai berbanding penghuni di asrama perempuan.

Keadaan bilik kuliah adalah lebih baik berbanding asrama para peserta. Sungguhpun bilik kuliah tersebut tidak ada penghawa dingin dan hanya bergantung pada kipas siling serta udara dari luar, ia telah mampu memberi keselesaan kepada pelajar. Keadaan kelas yang sebegini mempengaruhi perasaan pelajar untuk belajar dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh.<sup>58</sup>

Menurut Abd Ghafar Md. Din, persekitaran bilik darjah yang kondusif dan selesa dapat meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Bilik darjah yang bersih, kemas, teratur, tenang dan nyaman akan mempengaruhi perlakuan pelajar untuk bersikap lebih positif terhadap pelajaran. Demikian juga jika sebaliknya, bilik darjah yang kotor, berserabut, gelap dan pengap menjadikan pelajar resah, gelisah dan tidak berminat untuk belajar.<sup>59</sup>

Namun begitu, kemudahan peralatan pembelajaran dalam bilik kuliah adalah berkurangan. Terdapat kerusi pelajar yang telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi. Selain daripada itu, alat bantu mengajar seperti *overhead*

<sup>58</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

<sup>59</sup> Abd Ghafar bin Md. Din (2003), *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, c.1, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, h.50

*projector* (OHP), kaset-kaset pendidikan, video serta televisyen yang pernah diwujudkan suatu masa dahulu wajar diadakan semula. Alatan sedemikian amat membantu para pensyarah dalam menyampaikan pelajaran dengan lebih berkesan. Di samping itu, bahan-bahan bacaan berbentuk ilmiah dan agama perlu ditambah bilangannya. Bahan bacaan tersebut boleh menjadi sumber rujukan para pensyarah dan pelajar.<sup>60</sup>

Oleh itu, ketenangan dan keselesaan para pelajar untuk belajar sama ada di bilik kuliah atau asrama perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak pentadbiran. Para pelajar memerlukan tempat penginapan yang baik sebagaimana bilik kuliah. Ini adalah kerana di asrama juga para pelajar masih melakukan aktiviti pembelajaran.

Kesimpulannya, masalah dalaman yang paling utama di PETAMA ialah masalah daripada tenaga pengajar. Selain daripada tekanan kerja, mereka turut berhadapan dengan masalah kekurangan tenaga pengajar, skim gaji yang kurang memuaskan dan masalah komunikasi dengan para pelajar. Di samping itu, pensyarah-pensyarah yang tidak memiliki Diploma Pendidikan sebagai sijil asas kelayakan mengajar turut diketengahkan oleh penulis sebagai sebahagian daripada masalah dalaman pihak PETAMA.

Manakala masalah dalaman yang melibatkan para peserta ialah tahap pemikiran dan kecerdasan mereka yang lemah, kurang berdisiplin serta masalah sikap yang sukar dibentuk. Selain daripada itu masalah lain yang turut

---

<sup>60</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

dikenal pasti oleh penulis ialah berkaitan peruntukan yang lewat diterima, silibus pembelajaran yang agak sukar untuk diikuti oleh para pelajar dan kekurangan kemudahan untuk pembelajaran. Pihak PETAMA perlu memandang serius masalah ini kerana objektif bagi setiap modul yang dijalankan di PETAMA tidak akan tercapai sekiranya masalah dalaman ini berterusan.

## 4.2 Masalah Luaran

### 4.2.1 Masalah Persekitaran

Lokasi PETAMA yang bertempat di kawasan perumahan menyebabkan ada di kalangan peserta bergaul dengan golongan remaja yang tinggal di situ. Selain daripada itu, para pelajar dapat keluar dan masuk ke asrama dengan mudah. Permasalahan yang timbul ialah pelajar PETAMA berkawan dengan remaja yang kurang baik akhlakunya. Terdapat di kalangan mereka yang tidak bersekolah, tercicir dalam pelajaran, menghisap rokok, gemar merayau-rayau di bandar pada waktu malam dan terlibat dengan aktiviti yang kurang sihat.<sup>61</sup>

Peserta PETAMA yang berkawan dengan golongan seumpama ini turut terpengaruh dan terikut-ikut gaya hidup remaja-remaja tersebut. Kesan buruk daripada pergaulan remaja yang seumpama ini menyebabkan pelajar sering tidak menghadiri kuliah dan kurang memberi tumpuan terhadap modul pelajaran. Malah mereka telah berani keluar ke bandar pada waktu malam, keluar menonton wayang, pergi ke konsert hiburan, merayau-rayau dan melepak di kaki lima kedai-

---

<sup>61</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.*, pada 3 November 2003, pukul 2 petang

kedai berhampiran. Masalah seumpama ini lebih kerap timbul di kalangan peserta lelaki berbanding perempuan.<sup>62</sup>

Peraturan asrama telah menetapkan bahawa pelajar mesti berada di asrama selepas jam sebelas malam. Mereka tidak dibenarkan keluar atau merayau-rayau di bandar lagi selepas waktu itu. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar yang tidak mematuhi peraturan malah berani pulang ke asrama melebihi jam sebelas malam. Warden asrama tidak berupaya untuk mengawasi peserta pada sepanjang waktu. Apa yang diharapkan oleh warden ialah para pelajar mempunyai sikap bertanggungjawab sebagai seorang pelajar.<sup>63</sup>

Selain daripada itu, masyarakat sekitar yang berjiran dengan PETAMA kurang memainkan peranan malah membuatkan keadaan semakin teruk. Terdapat segelintir di kalangan mereka yang kurang senang dengan kehadiran pelajar PETAMA di kawasan perumahan itu. Alasan yang diberikan ialah peserta-peserta PETAMA sering mengganggu ketenteraman mereka seperti membuat bising, tidak menjaga kebersihan dan tidak menghormati orang yang lebih dewasa. Sikap pelajar yang sedemikian menyebabkan masyarakat berjiran kurang menyenangi kehadiran mereka di situ. Hal ini lebih kerap berlaku di asrama pelajar perempuan.<sup>64</sup>

---

<sup>62</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*, pada 3 November 2003, pukul 3.15 petang. Penulis pernah terserempak dengan beberapa orang pelajar lelaki PETAMA yang keluar melepak di kedai-kedai dan pasaraya berhampiran PETAMA pada waktu malam. Mereka berbual di tepi-tepi kedai tersebut sambil menghisap rokok dan bergelak ketawa sesama mereka.

<sup>63</sup> Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*, pada 3 November 2003, pukul 2.15 petang. Lihat juga PETAMA (1998), Peraturan dan Undang-undang Asrama PETAMA, t.h

<sup>64</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*, pada 3 November 2003, pukul 3 petang

Di samping itu masyarakat sekitar tidak memainkan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh seorang muslim. Mereka tidak menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada pelajar-pelajar ini. Misalnya dalam aspek berpakaian, pergaulan, akhlak dan sikap mereka tidak menonjolkan peribadi sebagai seorang penganut agama Islam yang baik. Justeru itu bagi pelajar yang baru menjejakkan kaki ke PETAMA atau dengan kata lain baru sampai ke bandar akan diperlihatkan dengan imej umat Islam yang bersifat negatif. Apa yang dipelajari oleh pelajar di PETAMA adalah tidak sama dengan apa yang dipertontonkan kepada mereka. Bukan perkara yang mustahil sekiranya pelajar terbabit menjadi keliru dan tidak betah untuk mengamalkan apa yang dipelajari di PETAMA.<sup>65</sup>

Berdasarkan temubual penulis dengan beberapa orang yang tinggal berjiran dengan PETAMA, terdapat di kalangan mereka yang menghargai peserta PETAMA. Mereka suka melihat para pelajar PETAMA mengulangkaji pelajaran dan menghafal al-Quran di bangku-bangku yang terdapat di sekitar taman permainan kanak-kanak kawasan perumahan tersebut. Jarang sekali pemandangan seumpama itu dapat dilihat di kalangan remaja bangsa Melayu. Namun begitu, terdapat juga yang tidak mengetahui akan kewujudan PETAMA di kawasan perumahan mereka. Ini adalah kerana kehidupan mereka yang terlalu sibuk bekerja dan kurang berkesempatan untuk berinteraksi dengan jiran-jiran. Tidak kurang juga ada yang tidak kisah mengenai kehadiran pelajar-pelajar berkenaan selagi mereka tidak menimbulkan apa-apa masalah.<sup>66</sup>

---

<sup>65</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*, pada 3 November 2003, pukul 2.30 petang.

<sup>66</sup> Temubual dengan Puan Salmiah binti Saidin. Penulis turut melakukan temubual dengan Cik Norliana binti Ramli dan Encik Suhaimi bin Ahmad pada 31 Oktober 2003, pukul 9 pagi. Semua responden merupakan mereka yang tinggal berjiran dengan PETAMA.

Terdapat di kalangan masyarakat yang berjiran ini merasa kesal dengan tindakan segelintir remaja di kawasan itu yang cuba mempengaruhi pelajar PETAMA kepada perbuatan yang kurang sihat. Seharusnya mereka cuba menunjukkan tauladan dan perbuatan yang baik kepada para pelajar. Dengan berbuat demikian, beban yang perlu dipikul oleh tenaga pengajar PETAMA dapat dikurangkan. Tambahan pula tugas berdakwah merupakan tanggungjawab setiap muslim.<sup>67</sup>

Para pensyarah PETAMA terlalu menghargai sumbangan dan peranan masyarakat sekitar yang menunjukkan contoh dan tauladan yang baik kepada peserta di pusat dakwah berkenaan. Para pelajar digalakkan oleh pensyarah-pensyarah supaya bergaul dengan pelajar dari pusat tahfiz yang tinggal berjiran dengan mereka. Pelajar dari Ma'had Tahfiz pula sering mengajak para pelajar mengikuti usrah yang dijalankan di asrama mereka. Usaha baik yang sedemikian rupa akan memberi manfaat yang amat besar kepada para peserta.

#### 4.2.2 Keluarga Pelajar Kurang Memainkan Peranan

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap rekod pelajar, didapati bahawa kebanyakan ibu bapa peserta PETAMA terdiri daripada petani, penoreh getah, penanam sayur-sayuran, bekerja sendiri dan membuat pelbagai kerja kampung. Kesusahan mendapat wang mendorong mereka melakukan pelbagai kerja bagi menampung keperluan dalam kehidupan. Ibu bapa lebih mementingkan mengenai

---

<sup>67</sup> Temubual dengan Saudari Maisarah Hanim binti Hamid. Penulis turut melakukan temubual dengan Saudari Azlina binti Awang pada 31 Oktober 2003, pukul 11.30 pagi. Responden merupakan pelajar dari Ma'had Tahfiz.

cara untuk memperoleh sumber kewangan berbanding aspek lain. Bagi mereka, wang merupakan keperluan utama untuk kehidupan yang lebih selesa.<sup>68</sup>

Terdapat segelintir penjaga yang akan memanggil anak-anak mereka pulang ke kampung apabila tiba musim buah-buahan, petai dan jering walaupun semester pembelajaran baru bermula. Anak mereka dipanggil pulang supaya dapat membantu memanjat pokok buah-buahan terutamanya pokok petai di hutan yang kemudiannya akan dijual kepada peraih-peraih yang masuk ke perkampungan mereka. Kerja memanjat pokok petai bukanlah satu tugas yang mudah sebaliknya memerlukan tenaga yang banyak, kemahiran yang tinggi selain daripada berisiko tinggi. Sungguhpun demikian, pulangan yang mereka terima adalah lumayan dan dalam bentuk tunai. Oleh sebab itu, penjaga amat memerlukan sumbangan tenaga daripada anak lelaki yang dewasa bagi memudahkan kerja-kerja mereka.<sup>69</sup>

Selain daripada itu, terdapat segelintir penjaga yang mahu anak mereka mencari rotan di hutan atau menolong menambah sumber pendapatan daripada membuang masa belajar di PETAMA. Oleh itu, ada pelajar yang pulang ke perkampungan telah tidak kembali semula ke PETAMA. Pembelajaran mereka terhenti di pertengahan jalan. Pihak penjaga bersikap tidak kisah dengan tindakan anak mereka itu. Penjaga yang sedemikian kurang menitik beratkan aspek pendidikan kepada anak-anak mereka. Kesedaran akan kepentingan ilmu itu

---

<sup>68</sup> PETAMA (2003), Laporan Rekod Pelajar PETAMA, h.2. Penulis juga melakukan temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit.*

<sup>69</sup> Temubual dengan Saudara Juri bin Ismail dan Johari bin Roki, pelajar PETAMA pada 3 November 2003, pukul 2 petang

masih kurang dalam diri mereka. Perkara seumpama ini lebih kerap terjadi di kalangan penjaga peserta lelaki.<sup>70</sup>

Di samping itu, ibu bapa yang kurang kuat pegangan akidah Islamnya akan mempengaruhi anak mereka. Terdapat ibu bapa yang tidak menunaikan sembahyang malah tidak mengamalkan gaya kehidupan seorang Islam. Contoh dan pendedahan berterusan dalam keluarga seumpama itu akan mempengaruhi pelajar seterusnya mendorong mereka melupakan apa yang telah dipelajari di PETAMA. Walaupun kepulangan mereka ke perkampungan dalam tempoh yang singkat, mereka akan terpengaruh dengan kepada cara hidup ibu bapa mereka dan sebahagian mereka melupakan disiplin dan pelajaran Islam yang diajar di asrama. Tambahan pula semasa pulang bercuti di perkampungan, tiada yang berperanan untuk mengingatkan para pelajar mengenai sembahyang, membaca al-Quran dan seumpamanya.<sup>71</sup>

Terdapat di kalangan bekas pelajar PETAMA yang tidak mengamalkan amalan-amalan baik yang diperolehi oleh mereka semasa menuntut di PETAMA akibat pengaruh keluarga. Ibu bapa tidak menegur dan memarahi anak-anak kerana mereka juga tidak bersembahyang dan membaca al-Quran. Pengaruh negatif dari ibu bapa itu akan menyebabkan pelajar berasa lebih malas untuk menunaikan solat seterusnya melupakan ajaran pensyarah-pensyarah sebelum ini. Malah lebih menyedihkan ialah bekas pelajar yang diharapkan dapat membimbing

---

<sup>70</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit*, pada 3 November 2003, pukul 2.15 petang.

<sup>71</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*. Lihat juga Jabatan Perdana Menteri Bahagian Ugama (1980), "Ke Arah Pengislaman Orang Asli di Malaysia dan Masalah-masalah Yang Dihadapi", (Seminar Dakwah Islamiah di Kalangan Orang Asli Malaysia di Universiti Malaya), pada 21-23 Mei 1980, h.12.



keluarga mereka sebaliknya telah terikut-ikut dengan corak kehidupan ibu bapa serta adik beradik mereka yang lain.<sup>72</sup>

Oleh yang demikian, bentuk kehidupan sesebuah keluarga pelajar PETAMA akan mempengaruhi pelajar tersebut. Keadaan ini akan memberi kesan kepada program dakwah di PETAMA. Masyarakat Orang Asli akan melihat program dakwah PETAMA tidak memberi impak yang positif kerana pelajar lepasan PETAMA tidak mampu mengekalkan amalan-amalan agama yang dipelajari oleh mereka semasa di PETAMA malah tidak boleh dijadikan model yang baik kepada remaja lain.<sup>73</sup>

Oleh itu, pihak PETAMA terlalu mengharapkan agar ibu bapa memberi kerjasama yang positif dalam mendidik anak-anak mereka. Kerjasama penjaga dengan tidak memanggil pelajar pulang semata-mata untuk menolong mencari petai dan rotan adalah amat dihargai oleh pihak PETAMA. Selain daripada itu, kerjasama kaum keluarga untuk bersama-sama mengamalkan ajaran Islam sangat membantu pihak PETAMA.<sup>74</sup>

#### 4.2.3 Masalah Dengan Pertubuhan Dakwah Yang Lain

PETAMA menjalinkan kerjasama yang erat dengan pertubuhan dakwah yang terdapat di sekitar negeri Pahang seperti JAIP, JAKIM dan PERKIM Bahagian Pahang. Setiap pihak mengharapkan manfaat yang banyak melalui hubungan yang terjalin. Sebagai contoh, JAIP mengundang pelajar PETAMA

---

<sup>72</sup> Temubual dengan Saudari Tina binti Atim dan Saudari Azlina binti Abdul Aziz, Pembantu penggerak PETAMA pada 24 April 2003, pukul 3 petang. Penulis melakukan temubual semasa responden mengikuti program Kursus Pembantu Penggerak PETAMA.

<sup>73</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

<sup>74</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

untuk mengikuti program dakwah *bi al-Hāl* yang diadakan di perkampungan Orang Asli Sg. Koyan, Chenor pada bulan Jun lalu. Peserta mengutip pengalaman berdakwah melalui program tersebut yang mana pengurusan PETAMA tidak mengadakan aktiviti seumpama itu. Manakala sumbangan tenaga daripada peserta PETAMA pula dapat mengurangkan beban kerja pegawai-pegawai JAIP.<sup>75</sup>

Di samping itu, PETAMA sering meminta pandangan dan buah fikiran daripada pertubuhan dakwah yang lain dalam usaha untuk meningkatkan lagi penyertaan peserta, menyebarkan maklumat mengenai PETAMA, merancang serta menyusun modul program kepada peserta. Kerjasama daripada JAIP dalam pelbagai aspek amat dihargai oleh pengurusan PETAMA. Oleh sebab itu, setiap kali kursus pembantu penggerak diadakan, semua peserta akan dibawa melawat ibu pejabat JAIP di Pekan bertujuan untuk mendekatkan lagi hubungan antara peserta dengan pegawai-pegawai JAIP. Selain itu, pihak JHEOA Kuantan selalu memenuhi jemputan yang dibuat oleh PETAMA bagi menghadiri majlis-majlis rasmi kelolaan pusat dakwah ini. Kehadiran wakil jabatan itu merupakan tanda sokongan mereka terhadap program dakwah PETAMA<sup>76</sup>

Sungguhpun kerjasama yang baik cuba dijalinan oleh semua pihak namun timbul juga masalah di antara mereka. Masalah yang jelas ialah tiada kerjasama dalam menjalankan aktiviti. Ini adalah kerana terdapat sesetengah pertubuhan yang tidak mengundang peserta PETAMA bagi menghadiri program keagamaan yang dianjurkan oleh mereka. Selain daripada itu, pertubuhan yang mengundang pelajar PETAMA bagi menghadiri kursus-kursus keagamaan anjuran

<sup>75</sup> PETAMA (2003), Laporan Aktiviti Pelajar PETAMA 2003, h. 3. Penulis turut melakukan temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit*

<sup>76</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

mereka telah menghadkan bilangan pelajar yang dibenarkan menyertainya. Alasan yang diberikan oleh pertubuhan ini ialah telah ada pihak khusus yang menguruskan aktiviti di PETAMA.<sup>77</sup>

Selain itu, pertubuhan yang diundang bagi menghadiri mesyuarat yang diadakan di PETAMA tidak memberi respon yang sewajarnya terhadap undangan itu. Mesyuarat itu diadakan bertujuan untuk meminta pendapat pihak berkenaan mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dijalankan di PETAMA. Tetapi ada di kalangan pertubuhan yang tidak memberi kerjasama dengan tidak menghantar wakil mereka. Sambutan yang diberikan oleh pertubuhan itu adalah mengecewakan. Oleh yang demikian, pihak pengurusan PETAMA tidak dapat berkongsi pengalaman berdakwah yang dimiliki oleh pertubuhan-pertubuhan berkenaan.<sup>78</sup>

Kerjasama yang erat di kalangan pertubuhan dakwah akan memberi manfaat yang baik kepada perjalanan dakwah sesebuah negeri. Namun begitu, setiap pertubuhan mempunyai komitmen serta masalah mereka yang tersendiri tanpa perlu dihebohkan kepada pihak lain. PERKIM Bahagian Pahang misalnya merupakan sebuah pertubuhan dakwah yang turut menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Namun begitu, kekurangan bilangan kakitangan, prospek kerja yang banyak serta masalah kewangan yang kurang mantap mendorong mereka memberi tumpuan dan komitmen yang lebih kepada aktiviti

---

<sup>77</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

<sup>78</sup> Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

pertubuhan mereka sahaja. Oleh yang demikian, perkara berkaitan pertubuhan lain kurang mendapat perhatian pihak PERKIM.<sup>79</sup>

Masalah kewangan juga menyebabkan banyak aktiviti yang dirancang oleh pertubuhan ini terpaksa ditunda. Pertubuhan dakwah lain seperti JAIP merupakan pertubuhan yang mantap serta mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Oleh sebab itu, mereka boleh merancang pelbagai aktiviti untuk masyarakat Orang Asli serta mengundang pihak PETAMA menyertainya. Selain daripada itu, pihak JAIP bertanggungjawab mengeluarkan sijil kepada setiap pembantu penggerak PETAMA. Oleh yang demikian, tanggungjawab mereka terhadap program PETAMA adalah lebih besar berbanding pertubuhan lain.<sup>80</sup>

Kesimpulannya, sungguhpun masalah luaran yang diketengahkan oleh penulis tidak terlalu meninggalkan impak negatif kepada PETAMA, namun jika dibiarkan ia akan berlarutan. Kesan jangka panjang perlu diberi perhatian oleh semua pihak berhubung masalah luaran ini. Penyelesaian kepada masalah tersebut tidak boleh dipandang ringan. Jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah tersebut adalah penting memandangkan PETAMA perlu mengekalkan nama baik pusat ini. PETAMA perlu menarik kepercayaan penjaga pelajar supaya mereka tidak memandang PETAMA sebagai pusat dakwah yang tidak memberi sebarang faedah kepada pesertanya.

---

<sup>79</sup> Temubual dengan Tuan Haji Rosli bin Mamat, Pegawai Dakwah PERKIM Bahagian Pahang, pada 24 Oktober 2003, pukul 3 petang.

<sup>80</sup> Temubual dengan Encik Ahmadi bin Abdullah, Pegawai Dakwah Orang Asli PERKIM Bahagian Pahang, pada 24 Oktober 2003, pukul 3.15 petang

### **4.3 Langkah-langkah Penyelesaiannya**

Bagi memantapkan lagi kedudukan PETAMA sebagai sebuah institusi dakwah pertama di negeri Pahang yang membimbing remaja masyarakat Orang Asli kepada ajaran Islam, setiap masalah yang dihadapi wajar ditangani. Semua pihak yang terlibat dengan pusat ini sama ada secara langsung mahupun tidak perlu berganding bahu bagi menyelesaikan atau paling tidak mengurangkan bebanan masalah pusat dakwah ini. Pihak pentadbiran iaitu AQFA merupakan pihak yang paling berperanan dalam menangani masalah PETAMA.

Tumpuan penulis terhadap penyelesaian masalah yang dihadapi ialah pada langkah-langkah penyelesaian yang telah dilaksanakan oleh PETAMA. Setiap penyelesaian dan perancangan yang dilakukan oleh PETAMA merupakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang. Antara langkah-langkah penyelesaian bagi mengatasi permasalahan di PETAMA ialah:

#### **4.3.1 Meningkatkan Kemahiran Tenaga Pengajar**

Masalah tekanan kerja yang dihadapi oleh tenaga pengajar telah diatasi dengan menghantar para pensyarah mengikuti kursus-kursus kemahiran dari semasa ke semasa. Antara kursus yang dihadiri oleh tenaga pengajar PETAMA ialah kursus kemahiran mengajar, kursus pengajaran al-Quran seperti kursus taranum dan kursus tajwid. Selain itu kursus kemahiran maklumat turut diberikan kepada tenaga pengajar sebelum mereka diserap untuk mengajar di PETAMA. Kesan menghadiri kursus-kursus tersebut ialah pensyarah dapat meningkatkan mutu pengajaran, mempelajari strategi untuk menarik perhatian pelajar serta dapat

mengembangkan daya kreativiti mereka. Selain daripada itu, panduan menguruskan masa dengan betul, panduan menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) dan panduan berkomunikasi dengan pelajar turut diperolehi melalui kursus-kursus tersebut.<sup>81</sup>

Melalui kursus kemahiran yang diberikan secara berterusan, para pensyarah boleh mempraktikkan ilmu yang diperolehi melalui kursus-kursus itu di PETAMA. Oleh yang demikian, dengan pengurusan masa yang betul dan strategi pengajaran yang mantap, masalah beban kerja mereka dapat diatasi.

Kursus-kursus yang diikuti oleh tenaga pengajar PETAMA telah memenuhi dan menepati syarat-syarat kelayakan yang digariskan oleh AQFA. Melalui kursus-kursus sedemikian, ia telah mampu membuka minda dan mencetuskan ide yang bernas di kalangan mereka. Pengisian kursus telah mampu memberi panduan kepada tenaga pengajar supaya bijak menangani masalah berkaitan pelajar seperti masalah komunikasi, masalah pelajar lemah dalam pelajaran, masalah sikap serta disiplin. Kursus terbaru yang telah dirancang untuk semua tenaga pengajar PETAMA ialah Kursus Pemantapan Perguruan yang akan diadakan pada penghujung bulan Disember di Kuantan.<sup>82</sup>

Dengan mengikuti kursus kemahiran, gerak kerja pensyarah menjadi lebih teratur, tersusun, sistematik dan mereka mempunyai kemahiran untuk berinteraksi dengan setiap pelajar terutama yang agak lemah dalam pelajaran. Melalui

---

<sup>81</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*, pada 2 Disember 2003, pukul 3 petang

<sup>82</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*, pada 2 Disember 2003, pukul 10.30 pagi.

penambahan bilangan pensyarah, komitmen yang baik, serta pembahagian tugas yang betul, tekanan terhadap beban kerja mereka dapat dikurangkan. Malah mereka akan berasa lebih bersemangat untuk mengajar. Selain itu, mereka boleh melaksanakan aktiviti hujung minggu bersama pelajar secara bergilir-gilir dan tidak terkejar-kejar dalam melaksanakan tugas.<sup>83</sup>

Berdasarkan temubual dengan para pensyarah, penulis mendapati bahawa dengan mengikuti kursus-kursus kemahiran dan penambahan pensyarah di PETAMA, secara tidak langsung masalah komunikasi antara pensyarah dan pelajar, masalah tahap pemikiran pelajar yang lemah serta masalah disiplin yang rendah di kalangan pelajar telah dapat ditangani. Ini adalah kerana pensyarah mempunyai peluang untuk lebih rapat serta mengenali dan memberi perhatian kepada pelajar. Selain daripada itu, pensyarah juga mempunyai kemahiran mengajar sebagaimana selayaknya. Masalah pensyarah tidak memiliki sijil kelayakan mengajar seperti KPLI tidak boleh dipertikaikan lagi kerana pihak pentadbiran mengambil kira setiap keupayaan pengajar yang diambil untuk berkhidmat di PETAMA.

Berdasarkan pemerhatian penulis, beban kerja mereka menjadi banyak adalah disebabkan oleh bilangan tenaga pengajar yang sedikit. Sekiranya tenaga pengajar lebih ramai mereka boleh mengadakan gerak kerja secara bergilir-gilir dan diadakan dengan pelbagai kaedah. Tugas yang banyak itu boleh dibahagi-bahagikan sesama mereka berdasarkan kesesuaian. Melalui cara tersebut para pensyarah dapat mengurangkan rasa bosan dan penat kerana tidak mengulangi

---

<sup>83</sup> Temubual dengan Ustaz Mohamad Nizam bin Abd Ghani, *op.cit.*, pada 2 Disember 2003, pukul 12 tengahari.

perkara yang sama saban minggu. Dengan itu akan timbul rasa ceria dan mencetuskan semangat baru di hati pensyarah untuk bersifat lebih dedikasi, komited dan kreatif.

Oleh yang demikian, tugas para pensyarah telah dikurangkan dengan penambahan tenaga pengajar. Seorang pensyarah telah ditempatkan di PETAMA dan telah memulakan khidmatnya pada Jun 2003. Diharapkan melalui penambahan tenaga pengajar, banyak ide dan pemikiran kreatif dapat disumbangkan.<sup>84</sup>

#### 4.3.2 Berusaha Meningkatkan Keuntungan Syarikat

Masalah yang berkaitan dengan tangga gaji pensyarah yang statik, kekurangan kelengkapan pembelajaran dan ketidakselesaan di asrama pelajar telah diatasi dengan melipatgandakan keuntungan syarikat. Pendapatan syarikat adalah bergantung kepada penyertaan para pelajar dalam setiap program kelolaan AQFA. Semakin ramai pelajar menyertai PETAMA maka semakin banyak keuntungan yang diperolehi. Oleh yang demikian, promosi dan penyebaran maklumat mengenai PETAMA serta program yang lain adalah sangat penting dilakukan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, promosi mengenai PETAMA telah dilakukan oleh pihak pengurusan dengan membuat kunjungan ke jabatan-jabatan agama Islam negeri.<sup>85</sup> Jabatan Agama Islam yang sering dikunjungi ialah MAINS, Jabatan Agama Islam Johor dan Terengganu.

---

<sup>84</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*

<sup>85</sup> PETAMA (2002), Laporan Kos Pemasaran PETAMA ke Seremban, t.h



Selain daripada itu, usaha yang dilakukan oleh pihak YP juga membantu dalam mengetengahkan PETAMA kepada pengetahuan umum. Pihak YP sering mengundang pemberita daripada akhbar-akhbar tempatan untuk menyiarkan maklumat mengenai bentuk perjalanan kursus dan aktiviti yang diadakan di PETAMA. Promosi sebegini amat membantu dalam menarik peserta sasaran untuk menyertai kursus yang ditawarkan.<sup>86</sup>

Di samping itu, kerjasama yang erat dengan pihak JAIP dan JHEOA Kuantan telah memberi impak yang baik dalam usaha menarik peserta untuk mengikuti kursus di PETAMA. Pihak tersebut akan memperkenalkan PETAMA kepada masyarakat Orang Asli dan mengenalpasti remaja masyarakat itu yang berminat untuk menyertai PETAMA.<sup>87</sup>

YP telah meletakkan kepercayaan kepada AQFA untuk mengendalikan beberapa projeknya. Selain daripada PETAMA, projek pendidikan YP yang dikendalikan oleh AQFA ialah program IIIS dan MLVK. AQFA memberi tumpuan kepada menganjurkan kursus-kursus tajaan YP seperti kursus bahasa Arab, kursus agama Islam jangka pendek dan panjang serta kursus komputer. AQFA turut mengendalikan kursus kepada masyarakat Orang Asli, saudara-saudara baru, imam, pegawai agama dan remaja. Kursus seumpama itu adalah dengan kerjasama JHEOA, JAIP, YP dan Kementerian Sumber Manusia. Sekiranya pihak berkenaan mahu mengadakan kursus tertentu, pihak AQFA akan

---

<sup>86</sup> Pada 10 Ogos 2003, semasa penulis membuat kajian di PETAMA, seorang wartawan dan jurugambar dari surat khabar Berita Harian datang membuat liputan mengenai PETAMA. Mereka telah menemuramah beberapa orang pensyarah dan pelajar serta mengambil gambar di persekitaran PETAMA.

<sup>87</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.* pada 3 Disember 2003 pukul 3 petang

dipertanggungjawabkan untuk menguruskannya. Pihak berkenaan turut menjalankan promosi terhadap kursus-kursus tersebut dan mencari peserta yang berminat untuk menyertainya.<sup>88</sup>

Oleh itu, AQFA memperoleh keuntungan melalui pembayaran yuran yang dikenakan kepada peserta dalam setiap kursus anjurannya. Melalui promosi secara besar-besaran terhadap program pendidikan dan kursus-kursus yang lainnya, ia telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta sasaran. Terkini, projek YP di bawah kendalian AQFA yang bukan berbentuk pendidikan ialah projek penanaman semula pokok balak di negeri Pahang. Melalui keuntungan yang diperolehi, AQFA mengatasi setiap masalah berkaitan kewangan.<sup>89</sup>

#### 4.3.3 Memohon Sumbangan Derma

Pihak pengurusan PETAMA tidak mengharapkan peruntukan yang diberikan oleh AQFA semata-mata bagi menjalankan aktiviti luar kepada pelajar-pelajarnya. Masalah peruntukan yang sering lewat diterima telah diatasi dengan memohon sumbangan derma berbentuk wang, tajaan atau barangan daripada pihak-pihak tertentu. Melalui sumbangan yang diterima, ia dapat membantu pihak PETAMA mengadakan aktiviti untuk pelajar-pelajarnya. Namun begitu, bagi aktiviti yang melibatkan kos perbelanjaan yang agak tinggi, PETAMA masih memerlukan peruntukan daripada AQFA.<sup>90</sup>

---

<sup>88</sup> Temubual dengan Ustaz Jamaluddin bin Abd Jabbar, *op.cit*, pada 8 Disember 2003 pukul 2.45 petang

<sup>89</sup> *Ibid*

<sup>90</sup> Surat Pengurus PETAMA kepada Pengurus NESTLE PRODUCT SD.BHD. 18 April 2003, bil. PETAMA / SHG: 04/2003

PETAMA mendapat kerjasama daripada syarikat-syarikat perniagaan dan jabatan-jabatan swasta tertentu yang terdapat di sekitar negeri Pahang. Pihak tersebut memberi kerjasama yang baik dengan memberi sumbangan sama ada dalam bentuk wang atau barangan. Aktiviti luaran untuk peserta PETAMA mesti diadakan sekurang-kurangnya tiga kali dalam satu semester memandangkan kokurikulum merupakan salah satu modul yang terdapat dalam program dakwah di PETAMA.<sup>91</sup>

#### 4.3.4 Mengadakan Kelas Bimbingan

Bagi mengatasi masalah pelajar yang lemah dalam pelajaran, para pensyarah PETAMA telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kelas tambahan istimewa untuk pelajar-pelajar terbabit. Melalui kelas bimbingan ini, pelajar mempelajari cara membaca dan menulis pada peringkat asas. Mereka belajar menyebut huruf, suku kata perkataan, membina perkataan dan membaca suku kata perkataan menggunakan kad-kad suku kata. Selain itu, mereka dibimbing membaca buku mengikut tahap penguasaan mereka di hadapan pensyarah. Kelas yang diadakan ini mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta terutamanya pelajar perempuan. Pencapaian pelajar lelaki agak lemah kerana jarang menghadiri kelas.<sup>92</sup>

Kesan positif telah dapat dilihat melalui kelas tambahan ini. Peserta yang dahulunya tidak boleh membaca dan menulis dengan baik, kini telah dapat membaca dan menulis dengan lancar. Mereka juga menjadi lebih yakin pada diri

---

<sup>91</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit* pada 2 Disember 2003 pukul 11 pagi

<sup>92</sup> PETAMA (2000), Laporan Kelas Belajar Membaca Bulan November 2000, h.8

sendiri, tidak malu bertanya malah telah berani memberi pendapat dalam sesi pembelajaran.<sup>93</sup>

Selain itu, pelajar yang lemah dalam pelajaran diletakkan di bawah pengawasan seorang pensyarah. Sebagai contoh, seorang pensyarah akan membimbing dua orang pelajar yang didapati lemah dalam pelajaran. Pencapaian dan tahap kemajuan pelajar tersebut akan dipantau oleh pensyarah berkenaan dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung dengan perhatian dan bimbingan berterusan daripada pensyarah, masalah pelajar lemah dalam pelajaran dapat diatasi.<sup>94</sup>

#### 4.3.5 Mempraktikkan Sistem Ketua Dan Nasihat

Seorang ketua dipilih di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Ketua-ketua ini berperanan untuk menjaga kebajikan rakan pelajar yang lain. Mereka juga ditugaskan untuk memerhati disiplin setiap pelajar, memastikan tidak ada pelajar yang melanggar peraturan, mengawasi keselamatan, menjaga kebersihan serta memastikan semua pelajar turun menunaikan solat di surau asrama. Ketua berkenaan perlu menegur dan memberi nasihat kepada rakan yang membuat kesalahan dan sekiranya pelajar terbabit berterusan melakukan kesalahan, perkara berkenaan perlu diadukan kepada pengetahuan ahli jawatankuasa disiplin.

Di samping itu, pihak PETAMA menggunakan pendekatan tegur dan nasihat kepada pelajar yang didapati melakukan kesalahan disiplin. Mana-mana pelajar yang melanggar disiplin seperti tidak menjaga kebersihan, keluar melebihi

---

<sup>93</sup> Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

<sup>94</sup> Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op. cit*, pada 2 Disember 2003 pukul 11.30 pagi

waktu yang ditetapkan, ponteng kuliah, tidak solat dan sebagainya mereka akan dipanggil ke pejabat PETAMA. Ahli jawatankuasa bahagian disiplin serta pengurus akan memberi nasihat dan sekiranya perlu tindakan tatatertib akan diambil terhadap pelajar berkenaan. Sungguhpun demikian, disiplin pelajar PETAMA masih pada peringkat yang baik dan mereka tidak pernah terlibat dengan kegiatan sosial yang berat.<sup>95</sup>

Melalui pemerhatian penulis, dalam perhimpunan yang diadakan pada setiap pagi Jumaat, para pensyarah bergilir-gilir memberi peringatan dan nasihat kepada pelajar. Pelajar dinasihatkan supaya belajar bersungguh-sungguh, sentiasa mengulangkaji pelajaran, mendirikan sembahyang, membaca al-Quran, menitik beratkan aspek kebersihan sama ada tempat tinggal mahupun diri sendiri, sentiasa menjaga nama baik ibu bapa, mengekalkan akhlak Islam dan tegur menegur ke arah kebaikan.

Di samping itu, masalah sikap pelajar yang malas belajar, kurang berdisiplin, tidak ada keyakinan diri telah diatasi dengan mengadakan program motivasi. Program motivasi sering diadakan di PETAMA atau di luar kawasan pusat dakwah ini dengan kerjasama jabatan lain seperti JHEOA Kuantan, TNB Kuantan dan JAIP. Kesan daripada program motivasi diharapkan dapat mengubah sikap negatif para peserta kepada nilai yang lebih positif. Para pensyarah sentiasa memberi galakan kepada pelajar mereka supaya belajar dengan bersungguh-sungguh.<sup>96</sup> Seseorang pelajar itu akan berminat dalam pelajarannya

---

<sup>95</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

<sup>96</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

sekiranya dia mendapat dorongan atau motivasi daripada pihak kedua.<sup>97</sup> Sungguhpun demikian, program seumpama ini jarang diadakan kerana ia memerlukan peruntukan yang agak besar.

Selain itu, para pensyarah sentiasa berusaha untuk merapatkan hubungan antara pengajar dan pelajar. Hal ini adalah perlu untuk menarik perhatian pelajar supaya mereka mahu meluahkan masalah yang dihadapi oleh mereka serta berminat untuk terus belajar. Komunikasi dua hala perlu dipraktikkan dan interaksi yang sebegini boleh menghilangkan perasaan takut serta malu pelajar terbabit. Malah ia boleh menambahkan kemesraan antara pelajar dan pengajar. Sebagai contoh pensyarah lelaki sering melakukan aktiviti riadah bersama para pelajar seperti bermain bola, takraw dan badminton bersama-sama. Oleh itu, jurang pemisah dapat dirapatkan sedikit demi sedikit.<sup>98</sup>

#### 4.3.6 Menyediakan Sukatan Modul Yang Bersesuaian

Bagi menjaga mutu program di PETAMA, pihak pentadbiran AQFA menjelaskan bahawa sukatan dan kandungan mata pelajaran yang terdapat dalam modul kuliah dikaji dari segi keberkesanan dan tahap penerimaan pelajar. Kandungannya telah dikaji, diteliti, dinilai dari setiap sudut dari semasa ke semasa serta disediakan berdasarkan tahap kemampuan peserta. Kajian dibuat berdasarkan keputusan peperiksaan setiap semester dengan mengambil kira latar belakang pelajar. Apa yang penting ialah para peserta mesti berusaha dan belajar

---

<sup>97</sup> Abd Ghafar Md. Din (2003), *op.cit*, h.11

<sup>98</sup> Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

bersungguh-sungguh untuk menguasainya. Di samping itu, para pensyarah juga perlu menyampaikan pelajaran dengan lebih kreatif.<sup>99</sup>

Sekiranya modul program disusun dan disediakan dalam silibus yang terlalu ringkas dan rendah tahapnya, dikhuatiri ia tidak mencapai kualiti yang sepatutnya. Pentadbiran AQFA juga perlu menjaga prestasi pelajar keluaran PETAMA supaya sesuai dengan kehendak semasa. Ia juga penting untuk mendapat pengiktirafan daripada pihak-pihak tertentu.<sup>100</sup>

Menyedari masalah dalam penerimaan modul berkaitan dengan tempoh kursus yang didapati terlalu singkat, pihak pentadbiran telah mengambil inisiatif menambah tempoh kursus bagi program lanjutan. Pada awalnya, tempoh program tersebut ialah selama tiga bulan tetapi ia telah dilanjutkan kepada enam bulan. Sungguhpun perkara seumpama ini mengambil masa yang agak lama dan melibatkan perubahan dalam banyak aspek terutamanya kewangan, tetapi demi menjaga mutu program pihak penganjur telah melakukan perubahan. Pada masa sekarang, tempoh bagi kedua-dua program dianggap wajar kerana pihak AQFA tidak mahu mengikat pelajar dengan tempoh pengajian yang terlalu lama. Adalah dikhuatiri dengan tempoh pengajian yang panjang, ia akan menimbulkan rasa jemu di kalangan pelajar.<sup>101</sup>

#### 4.3.7 Menjalinkan Hubungan Baik Dengan Masyarakat Sekitar

Bagi mengatasi masalah sikap pelajar yang kurang disenangi oleh masyarakat berjiran, para pensyarah telah menasihati pelajar supaya lebih

<sup>99</sup> Temubual dengan Ustaz Jamaluddin bin Abd Jabbar, *op.cit*

<sup>100</sup> *Ibid*

<sup>101</sup> *Ibid*

berdisiplin, menjaga akhlak dan menghormati mereka yang lebih dewasa. Nasihat demi nasihat diberikan kepada pelajar supaya pandai menjaga diri dan mengingatkan mereka agar tidak terpengaruh dengan perkara-perkara negatif yang pastinya akan merugikan mereka.<sup>102</sup>

Para pensyarah telah bersemuka dengan mereka yang berjiran dan memohon maaf daripada mereka sekiranya terdapat perlakuan pelajar PETAMA yang tidak disenangi oleh mereka. Semua tenaga pengajar di PETAMA menjalinkan hubungan yang baik dengan mereka yang berjiran dengan pelajar-pelajar PETAMA. Hubungan yang baik ini adalah perlu untuk mendapat kerjasama serta sokongan moral daripada masyarakat sekitar. Sungguhpun demikian, peranan begini lebih banyak dimainkan oleh warden asrama memandangkan mereka lebih hampir dengan masyarakat di sekitar PETAMA.<sup>103</sup>

Bagi mengelakkan pelajar PETAMA terlibat dengan unsur negatif atau keluar merayau-rayau di bandar yang tentunya akan dipandang serong oleh masyarakat, pengurusan PETAMA telah mengisi masa terluang pelajar mereka dengan mengadakan aktiviti tambahan. Kelas belajar memasak telah diadakan khusus untuk pelajar perempuan manakala pelajar lelaki digalakkan melakukan riadah seperti bermain bola sepak, bola takraw atau badminton di gelanggang yang terdapat di taman permainan kawasan perumahan tersebut. Kelas memasak berkenaan diwujudkan kerana pelajar perempuan tidak berpeluang untuk mengikuti aktiviti sukan berikutan tempat bersukan yang begitu terhad. Melalui aktiviti seumpama itu masalah sikap pelajar yang berkawan dengan rakan sama

---

<sup>102</sup> Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

<sup>103</sup> Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*



kaum telah dapat diatasi. Pergaulan mereka telah semakin baik dan jurang perkauman sesama mereka telah dihapuskan.<sup>104</sup>

#### 4.3.8 Mewujudkan Hubungan Yang Baik Dengan Para Penjaga

Bagi mencetuskan perasaan baik sangka di kalangan penjaga, pihak PETAMA telah mengambil inisiatif dengan memaklumkan mengenai pencapaian anak mereka dalam pelajaran. Prestasi setiap peserta akan diberikan kepada penjaga setelah keputusan peperiksaan diperolehi. Sungguhpun ia agak rumitkan, namun untuk menjaga hubungan PETAMA dengan pihak penjaga, cara sedemikian dipraktikkan. Diharapkan setiap penjaga akan berpendapat bahawa pihak PETAMA bersikap bersungguh-sungguh untuk mendidik anak mereka lebih mendekati ajaran Islam. Secara tidak langsung, lama-kelamaan ia dapat memberi kesedaran kepada penjaga akan kepentingan pendidikan dalam kehidupan pada masa kini.<sup>105</sup>

#### 4.3.9 Mengekalkan Hubungan Baik Dengan Institusi Dakwah Yang Lain

Kerjasama PETAMA dengan institusi dakwah yang terdapat di sekitar negeri Pahang akan dikekalkan. Mana-mana pihak yang meminta kerjasama PETAMA untuk menjayakan program mereka akan diberi perhatian oleh PETAMA. Setiap undangan seperti mengadakan persembahan nasyid, membaca al-Quran atau membaca doa di majlis-majlis tertentu akan dipenuhi oleh pusat dakwah ini.<sup>106</sup>

---

<sup>104</sup> PETAMA (2000), Laporan Kelas Masakan Pelajar Perempuan PETAMA, h.1 Penulis turut menemubual Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

<sup>105</sup> Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

<sup>106</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

Selain itu, pihak PETAMA akan meneruskan tradisi mengundang pertubuhan dakwah yang lain dalam mesyuarat yang diadakan oleh mereka. Perkara yang sedemikian memberi impak yang positif kepada PETAMA dalam usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Ide-ide yang bernas dan sesuai boleh diperolehi melalui kerjasama yang sedemikian. Di samping itu, dalam majlis tahunan PETAMA seperti majlis penyampaian sijil, wakil dari pertubuhan lain akan diundang bagi menghadirinya. Namun begitu, terpulang kepada pertubuhan dakwah berkenaan sama ada mereka mahu memenuhi undangan tersebut atau tidak.<sup>107</sup>

Bagi mengekalkan hubungan baik PETAMA dengan pertubuhan seperti JAIP dan JHEOA, pengurusan PETAMA sering mengatur lawatan pelajar mereka ke jabatan-jabatan tersebut. Tujuan berbuat demikian ialah untuk menambahkan kemesraan hubungan peserta dengan pegawai-pegawai yang banyak membantu membangunkan aktiviti PETAMA.<sup>108</sup>

Kesimpulannya, jika ditinjau kepada langkah-langkah penyelesaian yang telah dilaksanakan oleh PETAMA, didapati bahawa penyelesaiannya adalah bersifat menyeluruh. Setiap aspek yang menyumbang kepada masalah di PETAMA telah diberi perhatian serius serta diselesaikan. Namun begitu, pihak pentadbiran mahupun pengurusan perlu sentiasa peka kepada perkara lain yang sebelum ini bukan merupakan satu masalah. Sebagai contoh, pengaruh negatif daripada media massa seperti internet masih tidak berlaku di kalangan pelajar

---

<sup>107</sup> Ibid

<sup>108</sup> PETAMA (2003), Laporan Kursus Intensif Pembantu Penggerak PETAMA Kali Keenam, h.5

PETAMA. Namun, sekiranya tiada langkah berhati-hati dan pemantauan dibuat adalah tidak mustahil masalah seumpama itu akan berlaku.